

# Hari terbuka buah pinggang

BERSEMPENA Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 yang bertemakan *Kidney Health for Everyone Everywhere*, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) bakal menganjurkan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 di Pusat Sumber NKF-Berjaya, Petaling Jaya, Selangor pada 14 Mac ini.

Sambutan tersebut akan merangkumi tiga acara utama antaranya tarian kecergasan Bollywood oleh pakar tarian Bollywood, Kirenjit Singh bertujuan mengajak orang ramai beriadah secara sihat dan menyeronokkan diikuti dengan ceramah yang

## Acara

### INFO

- Lokasi: NKF Resource Centre, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor
- Tarikh: 14 Mac
- Masa: 8.30 pagi hingga 4 petang
- Laman web: [www.nkf.org.my](http://www.nkf.org.my)

akan mengupas dua topik penting tentang kesihatan buah pinggang iaitu pengenalan kepada batu karang dan ubat-ubatan.

Terdapat juga saringan indeks jisim badan, tekanan darah, kandungan gula dalam darah, ujian air kencing serta perkhidmatan kaunseling kesihatan yang diberi percuma kepada pengunjung bagi acara saringan kesihatan.

Seramai 50 peserta pertama yang mendaftar dapat memasuki sesi tarian kecergasan Bollywood secara percuma dan menerima baju-T Hari Buah Pinggang Dunia.



SAMBUTAN Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 akan berlangsung pada 14 Mac depan

di Pusat Sumber NKF-BERJAYA, Petaling Jaya, Selangor.  
– Gambar Hiasan